

Bajet 2017: PM terus ajak rakyat beri pandangan

UM 19/9

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Berbaki tidak sampai 48 jam sebelum ditutup esok, Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak seluruh rakyat beramai-ramai memberi pandangan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dalam Bajet 2017.

Perdana Menteri berkata, orang ramai yang hendak berbuat demikian boleh mengunjungi laman web, <https://bajet2017.najibrzak.com> dan tumpuan kerajaan ialah dalam aspek kos sara hidup, pendidikan serta perumahan.

“Dua hari terakhir untuk anda kemukakan idea bagi #Bajet2017 kepada saya sebelum tarikh tutup 19 September ini, antara kategori yang diberi perhatian adalah kos sara hidup, pendidikan, perumahan dan sebagainya,” katanya di Facebook hari ini.

Bajet 2017 akan dibentangkan Perdana Menteri di Dewan Rakyat 21 Oktober depan dan sektor yang dijangka diberi perhatian khusus oleh kerajaan ialah segmen perumahan dengan tumpuan kepada rumah mampu milik.

Bajet 2017 disifatkan sebagai penanda aras yang penting buat Malaysia bagi menilai bagaimana kerajaan mahu mencorak ekonomi negara ketika suasana ekonomi dunia berada dalam keadaan tidak menentu.

Menerusi catatan sama di Facebooknya, Najib berkata, dalam Bajet 2016, kerajaan memperuntukkan RM4.8 billion kepada 545 institusi pendidikan teknikal dan vokasional.